

Jaminan kualiti

MQA **bertanggungjawab memantau mutu**
program ditawarkan institusi pengajian tinggi



SEBAHAGIAN peserta Majlis Dialog MQA dan IPT dengan badan profesional di Petaling Jaya, akhir tahun lalu.

FOKUS

Oleh Khairina Yasin

kayrina@bharan.com.my

KEPENTINGAN jaminan kualiti sesuatu program pengajian ditawarkan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini wajar diberi penekanan bagi memastikan keupayaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau.

Penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) oleh kerajaan hasil penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 menerusi penggabungan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi pada 1 November 2007 dilihat sejajar dengan tuntutan program pendidikan kini yang berubah mengikut keperluan bagi memenuhi tenaga profesional semasa.

Wujud sebagai entiti baru yang bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti pengajian tinggi negara, MQA berperanan melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti, rujukan dan standard kelayakan kebangsaan.

Mengulas perkembangan MQA selepas lebih setahun penubuhan, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Syed Ahmad Hussein, berkata agensi itu kini berada di landasan kukuh dalam usaha memperkasa sistem pengajian tinggi negara dengan membudayakan kualiti dalam penawaran program pendidikan berterusan di semua IPT awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di negara ini.

Katanya, langkah itu bertujuan mengukuhkan penjenamaan perkhidmatan pengajian hasil daripada kualiti pendidikan yang sentiasa terjamin dan meningkat.

"Jika teliti kembali apa yang berlaku lebih sepuluh tahun lalu, kita dapat lihat peluang pengajian tinggi sangat terbatas kepada kelompok kecil saja.

"Bermula dari situ, kerajaan mengambil keputusan memperluaskan akses kepada rakyat menerusi pendemokrasian pendidikan dan langkah itu mula menampakkan kejayaan apabila berlaku peningkatan memberangsangkan dari segi kemasukan pelajar ke IPT."

"Namun apabila memfokus-

kan kepada akses, kita terlepas pandang aspek kualiti yang akhirnya membawa kepada masalah ketidakseimbangan kualiti sistem pendidikan tinggi negara ketika itu," katanya kepada *Berita Harian* di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Syed Ahmad berkata, kerajaan ternyata bijak menangani masalah itu dengan menubuhkan LAN (kini MQA) pada 1997, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di Asia Tenggara menubuhkan agensi berkaitan jaminan kualiti pengajian tinggi.

Beliau menjelaskan, langkah bijak itu meletakkan negara dalam satu senario pendidikan yang lebih kompetitif di peringkat global sebagai persediaan berdepan saingan sengit cabaran pendidikan tinggi serantau.

Sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara, katanya, MQA sentiasa bersedia dan berusaha memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan menerusi amalan bijak jaminan kualiti pengajian tinggi.

"Terbaru, MQA membangunkan Kod Amalan Jaminan Kualiti Audit Institusi berdasarkan



“Kerajaan mengambil keputusan memperluaskan akses kepada rakyat menerusi pendemokrasian pendidikan dan langkah itu mula menampakkan kejayaan apabila berlaku peningkatan memberangsangkan dari segi kemasukan pelajar ke IPT”

Syed Ahmad Hussein

Ketua Pegawai Eksekutif MQA

amalan antarabangsa dan diper-setujui pihak berkepentingan menerusi siri perundingan dan bengkel bersama.

"Kita melihat keperluan kepada kriteria dan standard yang jelas, telus dan adil yang bertindak sebagai rujukan kepada penilaian dan laporan ke atas kualiti program pengajian ditawarkan penyedia pendidikan tinggi," katanya.

Syed Ahmad berkata, kod amalan itu menggariskan sembilan domain merangkumi visi, misi dan hasil pembelajaran; reka bentuk dan penyampaian program; pengambilan dan sistem sokongan pelajar; sistem penilaian hasil pembelajaran.

Seterusnya, staf akademik, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, penilaian program, kepimpinan, governan dan pentadbiran serta penambahbaikan kualiti berterusan.

Penggunaan kod amalan berkenaan, katanya, kini diaplikasikan MQA dalam pelaksanaan projek terbaru iaitu Audit Prestasi Akademik (APA) bagi memantau keberkesanan operasi dan kualiti institusi pengajian tinggi sejak akhir Disember lalu.

"APA adalah salah satu daripada 15 projek Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara di bawah teras kedua iaitu menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran.

"Sebagai permulaan, 59 IPT termasuk semua 20 IPTA terbabit dalam pelaksanaan APA yang

antara lain memerlukan IPT membuat pengauditan kendiri terhadap operasi dan kualiti masing-masing," katanya.

Syed Ahmad menjelaskan, pelaksanaan APA turut membolehkan IPT menilai kekuatan dan kelemahan mereka menerusi laporan penyediaan portfolio yang perlu diserahkan kepada panel penilai dianggotai pengalaman dan pakar pendidikan negara, bulan depan.

Katanya, laporan itu akan diperincikan panel terbabit termasuk melakukan kunjungan ke semua IPT dan hasil perincian itu dijangka selesai akhir tahun ini.

"Pelaksanaan APA bukan untuk penarafan, sebaliknya membolehkan IPT terbabit menyediakan kedudukan institusi masing-masing.

"Tanpa APA, tidak nampak keberangkalian IPT untuk melaksanakan audit kendiri dan apa yang kita lakukan ini adalah wajar dalam membantu institusi terbabit mengukuhkan jaminan kualiti pendidikan masing-masing.

"Hasil pelaksanaan APA akan digunakan untuk mewujud pangkalan data lengkap universiti termasuk dari segi kekuatan sumber, sistem dan data penyelidikan," katanya.

Beliau yakin pelaksanaan APA akan diperluaskan kepada lebih banyak IPT berdasarkan maklum balas positif pihak Kementerian Pengajian Tinggi.